

14/10/1999

Preskripsi politik pilihan raya

Mahadzir Mohd Khir

SEPERTI kebiasaan, selepas Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, 9 Oktober yang lalu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat kenyataan. Dalam kenyataannya itu perkara pokok yang disentuh ialah keputusan menjalankan kempen memerangi fitnah. Beliau sendiri akan menyertai kempen tersebut ke negeri-negeri untuk pusingan kali kedua.

Tujuannya ialah untuk menjelaskan kedudukan isu yang berkaitan dengan arsenik dan tuduhan lain oleh parti-parti pembangkang terhadap Umno dan Barisan nasional (BN). Sasarannya dikenal Pasti iaitu mereka yang masih terkeliru dengan isu-isu berkenaan.

Kenyataan itu menyebabkan sesetengah pandangan, beranggapan bahawa pilihan raya sudah kian hampir. Tetapi bila? Pandangan ini juga disokong oleh laporan akhbar yang menyatakan cuti Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen dibekukan.

Kemudian diikuti oleh kenyataan Tun Zahir Ismail yang menyatakan bahawa Parlimen boleh dibubarkan bila-bila masa, walaupun dalam masa persidangan mulai 18 Oktober ini. Beliau juga menyatakan bahawa belanjawan tahun 2000 akan dibentangkan dalam persidangan ini pada 29 Oktober.

Jelasnya walaupun pembentangan belanjawan dibuat, Parlimen masih boleh dibubarkan. Sekiranya ini berlaku, bermakna belanjawan terpaksa dibentang semula selepas pilihan raya.

Berdasarkan kenyataan berkenaan, ramalan pilihan raya akan berlaku tahun ini semakin kencang. Menurut Tun Zahir sendiri, pernah berlaku dalam pilihan raya pada tahun 1990, belanjawan dikemukakan pada 4 Disember selepas pilihan raya.

Daripada keterangan itu ada kemungkinan pilihan raya akan diadakan pada November ini. Bagaimana dengan kenyataan Dr Mahathir, mengenai kempen antifatnah dan antipembohongan itu?

Di sini ada beberapa kemungkinan. Pertama sekiranya didasarkan kepada kenyataan Dr Mahathir, besar kemungkinan pilihan raya tidak akan diadakan pada November ini. Kenyataan tersebut membayangkan kepada kita bahawa pihak Umno perlukan masa untuk terus mengemaskinikan jentera perangnya.

Akibat kempen isu keracunan arsenik yang banyak menimbulkan kekeliruan di kalangan pengundi, maka pihak Umno berasa mereka perlu bertindak. Ini adalah peluang keemasan bagi Umno, untuk sekali gus memusnahkan isu-isu lain yang dibangkitkan oleh pembangkang.

Dalam hal ini adalah dipercayai, Dr Mahathir masih mahu memastikan majoriti 2/3 akan dikekalkan oleh BN. Dengan kata lain, BN masih mahu membuktikan walaupun pelbagai isu yang dibangkitkan oleh pembangkang seolah-olah menjejaskan prestasi BN, tetapi bukan isu itu yang patut dipertimbangkan sebaliknya mempertahankan kemampuan Kerajaan pimpinan BN masih tetap disokong.

Dengan adanya kempen pusingan kali kedua, dan perayaan ulang tahun BN pada 24 Oktober nanti, ia dijangka dapat mempertingkatkan organisasinya. Mungkin mereka yang tidak faham perkembangan mengenai politik kepartian, beranggapan isu boleh menghakiskan kekuatan parti, sebenarnya tidak.

Politik kepartian dalam pilihan raya menentukan kekuatannya terletak pada organisasinya. Walaupun anggota ahli Umno sekarang ini mencecah 2.7 juta dan ini tidak termasuk ahli parti-parti komponennya yang lain, bermakna BN dari segi logistik mempunyai tenaga manusia yang menentukan majoriti mudah.

Di samping itu apa yang mustahak dalam menghadapi pihak pembangkang

ialah kekuatan serta mengemas kini organisasi yang menjadi penentu.

Organisasi bukan saja dari segi struktur di dalam carta organisasi, tetapi yang penting ialah pengaliran dalam sistem organisasi tanpa gangguan. Mungkin isu boleh menjejaskan persepsi sokongan secara psikologi, tetapi jentera pilihan raya parti boleh membetulkannya.

Di samping itu usaha itu juga dapat diperlihatkan mempunyai kredibiliti yang mantap.

Sebagai contoh ialah kes keracunan arsenik. Mungkin pusingan pertama pihak pembangkang mengeksploitasi dengan membangkitkan keraguan dengan melampirkan tuduhan seolah-olah adanya plot di pihak Kerajaan khususnya untuk dipadankan dengan teori konspirasi, menjejaskan kredibiliti Kerajaan.

Kemudiannya dibangkit pula laporan polis mengenai rasuah beberapa pemimpin Kerajaan sedikit sebanyak mempertikaikan serta menimbulkan krisis kepercayaan terhadap Kerajaan.

Dari satu sudut ia boleh dianggap bahawa isu-isu yang dibangkitkan sebagai mempunyai adanya perancangan oleh pihak tertentu. Mungkin di permukaan ia dilihat berlaku secara mendadak tanpa dirancang.

Mungkin dalam pembicaraan awal Datuk Seri Anwar Ibrahim, kes mata lebam menjejaskan kredibiliti Kerajaan tetapi pihak Kerajaan tentu lebih berhati-hati seperti kempen 'berhati-hati di jalan politik' untuk mengelak 'kecelakaan politik'. Tuduhan keracunan arsenik yang melulu oleh pihak pembangkang hanya menyedarkan orang ramai betapa tidak logiknya cara pembangkang berfikir.

Dengan terbuktinya kes keracunan arsenik tidak berlaku, pihak Umno dilihat mempunyai 'senjata baru' untuk memusnahkan 'senjata' parti pembangkang. Sudah tentu pihaknya akan memperjelas isu ini sepenuhnya dan serentak dengan itu isu-isu lain dapat dijelaskan bersama. Secara mudah pihak BN bukan saja dapat mematahkan isu, tetapi dalam masa yang sama memperkukuhkan jenteranya.

Di samping itu apa yang dimusykilkan ialah sejauh mana organisasi Umno berkemampuan menjalankan penerangan tersebut. Di peringkat kempen besar-besaran dapat dilaksanakan, tetapi bagaimana di peringkat akar umbi. Maksudnya ialah dari segi keberkesannya.

Bagi parti pembangkang, sudah tentu mereka mahukan pilihanraya diadakan secepat mungkin. Sekiranya Parlimen tidak dibubarkan sehingga November ini, apakah jalan lain untuk terus membangkitkan sentimen dan terus mengasak untuk pihak BN berbuat demikian.

Pihak Pas, walaupun dapat bersama Keadilan untuk mengasak Umno di kawasan pengundi Melayu, tetapi bagaimana dengan perancangan pakatan elektoral dengan DAP. Sejauh mana pihaknya (Pas) masih boleh teruskan kerjasama dengan DAP yang mana pakatan tersebut boleh menjejaskan imejnya. Di samping itu pakatan tersebut sudah mula dibangkitkan oleh Umno dan pemerhati lain yang boleh dan mungkin dianggap sebagai set back kepadanya di kalangan pengundi Melayu. Keadaan sekarang, sama ada Pas suka atau pun tidak jalan keluar baginya tidak nampak.

Jika dulunya, dalam pilihan raya pada 1990 dan 1995, Pas tidak menyertai pakatan 'gagasan' dengan DAP, tetapi pakatan yang disertainya kali ini dengan DAP mungkin menyebabkan ia berada dalam keadaan serba salah.

Malah menurut laporan akhbar tempatan 7 Oktober lalu, dalam persediaan manifesto pakatan 'alternatif' persetujuan dicapai untuk menggugurkan negara Islam anjuran Pas.

Mungkin pada Pas pengguguran itu sebagai muslihat politik, tetapi secara tidak langsung imej Islamnya menjadi cair. Dengan kata lain selama ini slogan untuk mewujudkan Negara Islam mungkin boleh diterjemahkan sebagai slogan politik untuk menarik pengundi Islam semata-mata.

Dalam hal ini boleh juga diertikan Pas masih tidak Pasti kedudukannya

tanpa sokongan DAP. Apakah dengan kerjasama itu, harapan untuk mendapat undi daripada bukan Islam terjamin?

Apa yang paling menarik ialah sikap melulu Pas. Mereka menuduh BN sebagai kerajaan sekular dan tidak bertunjangkan Islam, tetapi sekarang dengan persetujuan menggugurkan negara Islam dalam manifestonya, menjadikan Pas tidak lagi berbeza dengan Umno. Akhirnya Pas terpaksa mengakui formula BN adalah yang terbaik untuk sesebuah Kerajaan di Malaysia. Ternyata BN lebih matang dan lebih realistik.

Sekiranya kerjasama dan pakatan dengan DAP boleh Pastikan kemenangan Pas untuk tubuhkan Kerajaan, apakah jaminan DAP untuk terus sokong pihaknya?

DAP pula masih dengan konsep Kerajaan sekular dan berpegang kepada prinsip untuk menidakkan majoriti 2/3 BN dalam pilihan raya. Dengan kata lain DAP lebih praktikal dan realistik untuk menerima kenyataan dari segi angka.

Di samping itu dalam persetujuan pakatan tersebut, pihak pembangkang masih menyatakan soal pembangunan. Mungkin terlalu awal untuk membuat spekulasi mengenainya, tetapi rekod pembangunan masih belum ditempah walaupun Pas mempunyai peluang di Kelantan.

Mungkin kepada Pas pembentukan negara Islam lebih berbentuk 'theocratic' dan DAP Kerajaan berbentuk socialistic, tetapi di manakah titik pertemuan mereka?

Ini ialah kerana kedua-dua pihak lebih kepada pola yang jauh bertentangan. Memang mudah untuk menjalankan kempen dengan membangkitkan pelbagai isu pembentukan Kerajaan perlu dipersetujui terlebih dulu sebelum persengketaan berlaku selepas pilihan raya nanti.

Bagi Pas dalam kedudukannya di Kelantan mudah dengan sentimen Islam, tetapi pakatan dengan DAP boleh menimbulkan banyak persoalan. Begitu juga dengan penyokong DAP dalam pakatan dengan Pas dianggap mudah, tetapi pengundi pula bagaimana?

Sekiranya Pas mengandaikan penubuhan kerajaan selepas pilihan raya dan DAP dengan menidakkan 2/3, apakah rasional untuk bersetuju mengangkat Datuk Seri Anwar Ibrahim jadi Perdana Menteri jika kedua-dua pihak dapat memperoleh kerusi tanpa kerusi Keadilan?

Rasional di sini, kemungkinan dalam pilihan raya nanti, poster dengan potret Anwar dijadikan simbol parti pembangkang sebagai tarikan sokongan daripada pengundi. Potret Datuk Fadzil Nor dan Lim Kit Siang mungkin tidak dipakai. Potret Nik Aziz mungkin tetap dipakai untuk Negeri Kelantan saja.

Kedua-dua pihak cuba membuat persediaan sebelum pilihan raya, dan parti pembangkang terus mengasak untuk Parlimen dibubarkan bagi membolehkan pilihan raya diadakan.

Dalam percaturan ini, BN masih ada ruang untuk memerhati perkembangan pakatan elektoral parti pembangkang. BN tidak mudah melatah, tetapi masih tunggu selekoh yang baik untuk mematahkan lawannya.

Parlimen akan bersidang pada 18 Oktober ini. BN akan terus menggunakan kesempatan ini dalam Belanjawan 2000 nanti untuk membuktikan rekodnya terus menegak. Selama 32 hari diperuntukkan bagi persidangan, tetapi ngaumannya bagaikan formula satu dalam pilihan raya.

* Prof Madya Datuk Mahadzir Mohd Khir ialah pensyarah di Universiti Malaya.

(END)